

# Malaysia mengulangi sokongan pada Rancangan Colombo

DIH 6 NOV 1984

**MALAYSIA** hari ini mengulangi sokongannya kepada 'Rancangan Colombo' dan semangatnya untuk mewujudkan persahabatan, kerjasama dan persefahaman antarabangsa.

**Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata** Malaysia menyokong penuh rancangan itu dan berharap negara-negara lain juga akan berbuat demikian.

Bellau menjelaskan, Malaysia, memperbaharui ikrarnya kerana adanya sikap dingin di kalangan beberapa negara terhadap 'Rancangan Colombo' yang ditubuhkan 33 tahun lalu.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat ke-30 Jawatankuasa Perunding 'Rancangan Colombo' di sini, beliau berkata, beberapa negara anggota tidak lagi memandang tinggi rancangan itu seperti dulu.

Adalah penting bagi kita menyatakan sokongan kita kepada rancangan itu supaya negara-negara lain turut menunjukkan sokongan mereka," ujarnya.

Dalam ucapannya, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia yakin kerjasama antara negara-negara anggota untuk mewujudkan pembangunan ekonomi ada-

## KUALA LUMPUR, Isnin

lab sama penting dan berfaedah hari ini dan pada waktu 'Rancangan Colombo' bermula 33 tahun lalu.

Beliau juga menggesa negara-negara anggota supaya meningkatkan usaha mewujudkan suasana antarabangsa yang memuassakan bagi pertumbuhan ekonomi yang cepat dan berkekalan.

## Berbangga

"Suasana seumpama itu haruslah, antara lain, mewujudkan peluang pasaran oleh negara-negara membangun, harga barangan yang stabil, keadaan matawang antara-bangsa yang stabil, kemudahan modal dan pemindahan teknologi, dan proses penyelesaian antarabangsa yang berkesan," ujarnya.

Bagi kali pertamanya, dua rakyat Malaysia terpuh memegang jawatan kanan dalam 'Rancangan Colombo'.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Sri Lanka, Enclik Anthony Yeoh, ialah Presiden Majlis Rancangan Colombo manakala Enclik Mohd Ismail Yahaya, seorang pegawai

kerajaan (yang dipejamkan ke rancangan itu, menjadi penasihat kepada Biro Rancangan Colombo).

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Khalil Yaakob, selaku Pengerusi Mesyuarat Peringkat Menteri Rancangan Colombo dalam ucapannya berkata, beliau berbangga aliran-kasar dua hala Bantuan Pembangunan Rasmi (ODA) di bawah rancangan itu telah meningkat dari tahun ke tahun.

Katanya, sejak penubuhannya hingga akhir 1982, keseluruhan ODA yang dikeluarkan di bawah Rancangan Colombo berjumlah AS\$68 juta (M\$157 juta).

Datuk Khalil juga puashati sebahagian besar bantuan dua hala masih ditujukan kepada 12 negara berpendapatan rendah Rancangan Colombo, iaitu Afghanistan, Bangladesh, Bhutan, Laos, Maldives, Nepal, Burma, India, Indonesia, Kampuchea, Pakistan dan Sri Lanka.

Beliau juga berbangga bahagian kerjasama teknikal ODA tumbuh dengan pesatnya sejak kebelakangan ini.

"Aliran pertumbuhan ini adalah menggalakkan dan mencerminkan bahawa usaha-usaha Rancangan Colombo untuk menggalakkan kerjasama teknikal telah berjaya," ujarnya.